

27,528 masih di pusat pemindahan banjir

Laporan penuh kerosakan di Johor selesai hujung minggu: Exco

Oleh Abdul Razak Raaff dan Johan Afandi

JOHOR BAHRU: Sejumlah 27,528 mangsa banjir daripada 6,129 keluarga masih berada di 89 pusat pemindahan sementara dengan daerah Batu Pahat mencatatkan jumlah tertinggi seramai 24,989 orang.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Ibu Pejabat Polis Kontinjen negeri, ketika dihubungi di sini, semalam, berkata setakat jam 6 petang semalam, 15 kematian direkodkan dengan dua kematian terbaru adalah pekerja asing warga Nepal yang lemas di Parit Sulong, Ahad lalu.

Di **BATU PAHAT**, 24,989 mangsa itu daripada 5,585 keluarga masih berada di 73 pusat pemindahan sementara diikuti Muar, seramai 2,260 mangsa daripada 481 keluarga di tujuh pusat pemindahan.

Katanya, Kota Tinggi dan Segamat, masih mempunyai mangsa banjir yang berada di pusat pemindahan walaupun keadaan air di dua daerah berkenaan semakin surut.

Di **KOTA TINGGI**, 50 mangsa banjir daripada 10 keluarga masih berada di sebuah pusat pemindahan manakala di Segamat, 229 mangsa daripada 53 keluarga ditempatkan di lapan pusat pemindahan.

Sementara itu, semua jurutera daerah sedang menyiapkan laporan penuh kejadian banjir di kawasan masing-masing termasuk bilangan jalan raya yang rosak dan kos membaik pulihnya.

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya dan Kemudahan Awam negeri, Datuk Baderi Dasuki menjangka menerima laporan kerosakan akibat banjir dalam tiga hari lagi.

Bagaimanapun, katanya, sebahagian jalan raya yang diselenggara Jabatan Kerja Raya (JKR) sudah di-baik pulih.

"Kerajaan negeri akan membaik pulih jalan raya yang rosak secepat mungkin untuk kesejahteraan rakyat," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Banyak jalan raya sama ada jalan persekutuan dan negeri selain jalan kampung dan jambatan rosak akibat banjir yang melanda Johor dua minggu lalu.



LELONG: Walaupun bandar Kota Tinggi bergelap kerana bekalan elektrik belum dipulihkan, pasar malam tetap menjadi tumpuan.

Sebelum ini, akhbar melaporkan, Menteri Kerjaraya, Datuk Seri S Samy Vellu mengarahkan jurutera daerah menyerahkan laporan seberapa segera kepada Ibu Pejabat JKR selepas banjir surut bagi memastikan peruntukan membaik pulih kerosakan dapat disalurkan segera.

Beliau berkata, nilai kerosakan jalan negeri dan Persekutuan di Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Pahang selepas dilanda bencana alam itu mencecah kira-kira RM81 juta.

Sementara itu, bekalan air di beberapa daerah yang terbabat banjir di Johor hampir pulih sepenuhnya dengan bekalan air beroperasi sepe-

“Orang ramai ingin mendapatkan penjelasan terkini berhubung bekalan air boleh hubungi talian bebas tol SAJH di talian 1 800 88 7474 yang beroperasi 24 jam sehari”

Ahmad Zahdi Jamil
Ketua Pegawai Eksekutif SAJH

nuhnya di Kota Tinggi sejak kelmarin manakala di Batu Pahat dan Kluang, bekalan air di kedua-dua daerah itu dilaporkan stabil.

Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Air Johor Holdings Sdn Bhd (SAJH), Ahmad Zahdi Jamil, berkata hanya beberapa kawasan di Pagoh, Muar masih mengalami gangguan bekalan air berikutan proses pemulihan sistem paip yang giat dilakukan di situ.

“Orang ramai yang ingin mendapatkan penjelasan terkini berhubung bekalan air boleh menghubungi talian bebas tol SAJH di talian 1 800 88 7474 yang beroperasi 24 jam sehari,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.